

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 06 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos operasi Rapid Kamunting sejak dilaksanakan dan kesediaan Kementerian untuk menukar namanya kepada Rapid Taiping.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada maklumat yang diberi oleh Prasarana Malaysia Berhad, kos operasi terkumpul Rapid Kamunting sejak mula dilaksanakan adalah sebanyak RM6.01 juta iaitu RM 1.76 juta pada tahun 2016, RM 2.28 juta pada tahun 2017 dan RM 1.97 juta pada tahun 2018 (sehingga Oktober).
2. Berkenaan dengan cadangan pertukaran nama Rapid Kamunting kepada Rapid Taiping, cadangan ini adalah amat baik kerana perkhidmatan Rapid Kamunting merupakan perkhidmatan yang juga merangkumi kawasan di dalam Bandar Taiping. Pihak Kementerian akan mempertimbangkan cadangan ini setelah mendapatkan maklum balas daripada pihak-pihak yang terlibat termasuk pihak operator iaitu Prasarana Malaysia Berhad.
3. Namun begitu, pertukaran nama perkhidmatan tersebut perlu mengambil kira implikasi kos bagi pertukaran nama di papan tanda, badan bas, serta bahan-bahan cetak yang berkaitan. Sebarang pertukaran nama perlulah memberi impak yang setimpal kepada kos yang dibelanjakan bagi memastikan setiap perbelanjaan memberi pulangan kepada kerajaan dan rakyat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Sekian, terima kasih.